



Berjaga-jaga dan Berdoa untuk Negara kita

Yehezkiel 22:1-31 ; 33:1-7

Yehezkiel 22 memberikan gambaran tentang apa yang berlaku pada tahun 593 – 571 B.C. Ketika berada jauh di Babylon di mana penyembahan berhala dan pluralisme agama adalah meluas, Nabi Yehezkiel telah dipindahkan oleh Tuhan untuk memberi amaran terhadap keadaan huru-hara di Yerusalem. Bagaimana keadaan Yerusalem pada masa itu? Melalui Nabi Yehezkiel, Tuhan mengatakan kota ini dicemari oleh penyembahan berhala dan pertumpahan darah. Ia juga merupakan kota yang penuh dengan keributan (22:2-4).

Bagaimana sebuah bandar umat Tuhan dapat menjadi seperti ini? Oleh kerana pemimpin tidak takut akan Allah dan tidak taat kepada firman Tuhan, dan tidak berjalan mengikut kehendak Tuhan. Mereka memutarbelitkan perintah kepimpinan (22: 6), melanggar etika keluarga (22: 7, 10-11), memandang ringan perintah liturgi (22: 8-9), memesongkan hubungan antara lelaki dan wanita (22: 9-11) , menghina keadilan sosial (22: 7, 9, 12), menjahatkan etika perniagaan (22:12).

Dari para imam, pemimpin dan nabi-nabi, turun kepada rakyat, mereka semua lupa tentang Tuhan, dan melanggar Sepuluh Perintah Allah. Masyarakat daripada umat Tuhan sudah menjadi busuk kepada terasnya, dari etika sosial ke aspek liturgi, dan tiada harapan untuk mereka. Bandar ini sememangnya penuh dengan kejahatan dan huru-hara!

Dengan hati yang sedih, Tuhan menjatuhkan hukuman sedemikian:

- Masa telah tiba (22:3); hari akan genap (22:4); akhir tahun-tahunmu telah datang (22:4)
- Rumah Israel telah menjadi sanga kepada-Ku; mereka adalah tembaga, timah putih, besi, dan timah hitam di dalam peleburan; mereka seperti sanga perak (22:18)
- Aku akan mengumpulkan kamu di dalam Yerusalem... Dalam murka-Ku dan amarah-Ku, aku akan menaruhkan kamu di dalamnya dan meleburkan kamu. (22:19-20)
- Kamu adalah tanah yang tidak kudus dan tiada hujan, pada masa kegeraman (22:24)

Yerusalem telah sampai ke tahap sehingga hukuman atau pemulihan tidak dapat menebusnya lagi. Kota ini akan melebur dalam kemurkaan Tuhan. Sebelum kota ini dihukum, Tuhan sanggup memberi peluang kepada kota ini, yang penuh dengan keributan. Tuhan mencari seorang manusia yang dapat menjadi perantaraan di antara Tuhan dan kota ini. Tetapi, Tuhan tidak menjumpai sesiapa (22:30). Dalam keadaan ini, Tuhan mengerakkan hati Yehezkiel untuk mencuba sedaya upaya memanggil anak-anakNya pulang kepadaNya. Akan tetapi, anak-anakNya pada masa itu tidak mau mendengar kepada beliau (Yeh 3:7, 33:30-33).



Akibatnya, Tuhan melanda! Tuhan “menimpah kemarahan atas mereka, menghukumi mereka dalam kemurkaan, dan mengembalikan kejahatan kepada mereka” (22:31). Kenapa Tuhan bertindak begitu?

- Tuhan telah mendengar keluhan dari tanah itu, yang penuh dicemari oleh dosa-dosa anak-anak Tuhan. Masa telah tiba, anak-anakNya akan diusir ke negara-negara lain, dan tanah ini akan dikuduskan! Tuhan akan menyucikan mereka (22:15)
- Dengan cara ini, anak-anakNya tidak akan melupakan Tuhan, dan mengetahui Dialah Tuhan.

Dalam Yehezkiel 22, kita dapat memerhatikan betapa penting peranan seorang “penjaga doa” terhadap kemakmuran dan masa depan sesebuah kota. Penjaga kota perlu berdiri di perantaraan atau di tembok dan menjaga sampai subuh (Yes 21:11-12; 62:6). Dia perlu sentiasa bersedia dan berjaga, dan membunyikan amaran, jikalau munculnya bahaya atau permusuhan terhadap penduduk-penduduk kota (Yez 33:1-7). Dia juga perlu berharap akan Tuhan dan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap tanda penebusan daripada Tuhan (Mic 7:7).

Kota-kota dan negara kami, tidak seteruk keadaan Yerusalem pada masa Yehezkiel. Tetapi, melalui penglihatan dan pendengaran kami, kedamaian di kota-kota dan negara ini tidak seperti dahulu. Apabila perkara-perkara yang tidak adil berlaku, kita akan menganggukkan kepala kami; kita akan mengulas; kita akan mengadu. Kita juga akan mempertimbangkan berhijrah... Namun, tidak kira di negara atau bandar yang mana kita tinggal, Tuhan berharap bahawa kita secara peribadi dan kolektif akan menjaga dan berdoa untuk tanah di mana kita tinggal. Sejak kita dilahirkan di Malaysia, dan kita juga tinggal di sini, mari kita mula belajar untuk menjaga dan berdoa untuk negara kita. Adakah kita bersedia?



Bagaimana kita dapat melibatkan diri dalam pelayanan “berjaga-jaga dan berdoa” untuk Negara kita?

- Berdoalah tak berhenti-henti agar Tuhan membuka mata kita dan memberikan kekuatan untuk berjaga-jaga. Adakah kita, secara peribadi, keluarga, gereja, kota atau negara, melanggar perintah Tuhan (Mazmur 119:126)? [Berjaga-jaga adalah kualiti asas yang perlu dimiliki dan dipupuk oleh penjaga doa]. Setelah kita berjaga-jaga, marilah kita berdiri sebagai perantaraan di jurang, dan bertaubat kerana perbuatan jahat kita sendiri, dan juga bertaubat dan berdoa bagi pihak keluarga, gereja, bandar dan negara. Meminta ampun kepada Tuhan, dan meminta juga untuk petunjuk dan rahmat-Nya kepada keluarga kita, gereja, bandar dan Negara.
- Sujudlah di kaki Tuhan untuk mendengar kepada-Nya: semakin kita jatuh di kaki-Nya, kita dapat melihat jauh dan mendengar dengan jelas. Dan ini akan membolehkan kita untuk membezakan dengan tepat apa-apa cadangan yang datang daripada diri kita sendiri, rakan-rakan sebaya, pemimpin-pemimpin rohani dan saudara-saudari seiman.
- Tunggu pada Tuhan dan menonton untuk penyelamatan-Nya (Mazmur 130: 5-6), kerana tanpa Tuhan bertindak atas kota, memang sia-sia penjaga kota berjaga-jaga (Maz 127)
- Minta Tuhan memberi kebijaksanaan, keberanian dan kekuatan untuk menyuarakan kebenaran dengan cara yang merendahkan diri, tetapi tetap tegas dan tepat pada masanya, walaupun itu bermakna kita mungkin terpaksa membayar harga yang tinggi. Amin.



Doa Untuk Kedamaian Malaysia

Perkara Doa Pertama

“Unit anti-penganas Malaysia” dapat menahan pemimpin Isis di Kuala Lumpur pada 31st Jan 2015. Kira-kira 59 warganegara disahkan telah menjadi anggota Isis. Seks, kewangan dan kuasa adalah pendorong utama yang menarik mereka untuk menjadi Jihadist Isis.

[Rujukan: <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/anti-terror-unit-nabs-isis-leader-in-kuala-lumpur>,
<http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/sex-money-power-lure-would-be-jihadists-to-isis-say-cops>]

Marilah kita berdoa untuk orang Kristian dan gereja-gereja supaya giat berkongsi kasih Tuhan di dalam masyarakat masing-masing. Berdoa agar rakyat Malaysia akan mengenal Tuhan dan kasih-Nya supaya semua mengamalkan kehidupan yang bererti dan tidak terjebak ke dalam usul-usul keganasan dan kemusnahan.

Perkara Doa Kedua

Parliament akan membentangkan satu undang-undang “anti-penganas” pada bulan March 2015, dan mungkin membawa kembali sebahagian undang-undang dari Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang telah dibubarkan.

Marilah kita berdoa untuk semua Ahli Parlimen kita untuk bergantung kepada kebijaksanaan Tuhan dan dipimpin supaya membuat keputusan yang baik mengenai undang-undang ini. Berdoalah supaya mereka melaksanakan tanggungjawab mereka dalam ketakutan Tuhan, dan sentiasa memikirkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat, dan tidak dipengaruhi oleh agenda-agenda politik.

Perkara Doa Ketiga

Kita membaca ketegangan berterusan antara kaum, tidak persefahaman dan krisis dalam politik, dan perpecahan dalam party-party politik, walaupun negara kita sedang menghadapi prospek ekonomi yang sangat mencabar.

Marilah kita berdoa agar ahli-ahli politik akan menjauh dari cita-cita mementingkan diri sendiri, perebutan kuasa dan reputasi sendiri, kedudukan tinggi dan sebagainya. Sebaliknya mereka akan memberi tumpuan kepada agenda yang lebih besar dan menguruskan keadaan ekonomi kita dengan baik.

Perkara Doa Keempat

Gereja dipanggil untuk menjadi garam dan terang dunia. Biar kita menyahut panggilan Tuhan yang tinggi.

Marilah kita berdoa agar orang Kristian akan membenarkan Tuhan menyucikan kami daripada kemarahan, kebencian, tidak mengampuni, kepahitan dan perpecahan yang masih menghantui Gereja-Nya, agar doa kami membawa kuasa rohani apabila musuh tidak lagi mempunyai apa pegangan akan kita. Doakan agar kita menyelesaikan konflik mengikut cara Tuhan. Cita-cita dan agenda diri sendiri, persaingan, cemburu, kesaksian palsu, pengolakan dan perebutan status, kedudukan dan kuasa akan dihapuskan dari gereja-Nya. Semoga kita membetulkan hati kita di hadapan Tuhan. Biarlah kita mendapatkan Hati Tuhan untuk negara ini dan memberi tumpuan kepada pembinaan gereja-Nya.

Perkara Doa Kelima

Marilah kita melihat kepada Yesus, Raja Damai, Dialah yang membiarkan kita hidup dalam damai dan sejahtera apabila kita bertumpu kepada Dia. Biarlah kita jauhkan mata kita dari masalah dalam negeri dan sentiasa berdoa untuk kehendak Tuhan berlakau di Malaysia.

Berdoalah agar kita dapat menampilkan Kristus kepada jiran-jiran, masyarakat dan negara, iaitu dalam pelayanan kasih sayang, keamanan dan saling mempercayai.

Urus Setia M24/7